

12/02/1998

MB nafi lantik calon pilihan

Rasid Rahaman

SHAH ALAM, Rabu - Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, hari ini menafikan ada menamakan mana-mana ahli atau pemimpin Umno bahagian di negeri ini, sebagai calon pilihan untuk bertanding dalam pemilihan di peringkat bahagian, Mac ini.

Beliau berkata, dakwaan itu tidak benar kerana beliau tidak pernah mengarahkan sesiapa bertanding dalam pemilihan itu, sama ada mempertahankan jawatan atau merebut jawatan.

"Apa yang saya lakukan sekarang berusaha untuk memastikan tidak berlaku pertandingan dalam pemilihan jawatan tertinggi Umno di peringkat bahagian, bagi mematuhi nasihat Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Setakat ini, hanya di bahagian Umno Hulu Selangor berlaku pertandingan apabila Ketuanya, Tan Sri Muhammad Mohad Taib tidak dibenarkan bertanding oleh Majlis Tertinggi (MT) Umno," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan beberapa ahli dan pemimpin Umno bahagian sama ada yang ingin mempertahankan atau merebut jawatan mendakwa diarahkan oleh Menteri Besar untuk bertanding dalam pemilihan di peringkat bahagian, Mac ini.

Mereka mendakwa, tawaran untuk bertanding dalam pemilihan itu dilakukan selepas mendapat restu Menteri Besar, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor.

Antara bahagian Umno yang dilaporkan berlaku pertandingan ialah Sabak Bernam, Sepang, Gombak, Hulu Langat, Klang dan Shah Alam.

"Saya tidak ada arahkan sesiapa bertanding. Oleh itu, jika ada pihak menggunakan nama saya, mereka sekadar untuk memancing perwakilan di peringkat bahagian supaya mengundi mereka," katanya.

Abu Hassan berkata, Badan Perhubungan Umno Selangor akan patuh dengan nasihat presiden parti dan berusaha memastikan tidak berlaku pertandingan dalam pemilihan jawatan tertinggi Umno di peringkat bahagian di negeri ini.

Sehubungan itu, beliau berharap semua pihak menyokong nasihat presiden parti.

Beliau berkata, jika berlaku pertandingan, Badan Perhubungan Umno Selangor akan menyerahkan nama ahli bertanding itu kepada MT untuk tindakan lanjut.

"Mana-mana ahli yang tidak mendengar nasihat tertakluk kepada tindakan MT," katanya.

Setakat ini, katanya, beliau sudah berjumpa semua 17 bahagian Umno di negeri ini untuk menasihati mereka supaya tidak berlaku pertandingan dalam pemilihan di peringkat bahagian, Mac ini, kecuali Hulu Selangor.

(END)